

## **Kesan Brexit terhadap Ekonomi Malaysia**

**oleh Dr Zulkipli Omar**

**Fello Penyelidik Kanan**

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>**

Masyarakat umum baharu sahaja didedahkan dengan cerita Perjanjian Perkongsian Trans-Pasific (TPPA) berhubung dengan keterbukaan ekonomi. TPPA adalah merupakan perjanjian antara 12 negara pada masa kini untuk membentuk satu kawasan perdagangan bebas. Ianya merupakan satu perjanjian komprehensif antara 12 negara terbabit termasuk Malaysia bertujuan mempertingkatkan integrasi ekonomi melalui liberalisasi perdagangan dan pelaburan.

Malaysia telah menandatangani perjanjian tersebut setelah diluluskan oleh Parlimen. Ini bermakna TPPA dilihat mampu memberi kesan positif terhadap ekonomi negara, antara lain melalui peningkatan perdagangan dan pelaburan. Mungkin yang lebih penting adalah sumbangan positif TPPA terhadap pengukuhan asas-asas ekonomi melalui keperluan reformasi untuk peningkatan daya saing.

Pada masa yang sama juga pakatan negara-negara ASEAN sedang giat bergerak ke arah Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). AEC merupakan satu integrasi ekonomi wilayah yang dianggotai oleh negara-negara ASEAN. Integrasi ini akan mewujudkan satu kuasa ekonomi yang besar dianggotai oleh 622 juta penduduk.

Ringkasnya, kedua-dua inisiatif tersebut telah meyakinkan umum tentang kebaikan ekonomi terbuka melalui kesepakatan wilayah. Namun, baharu-baharu ini komuniti dunia telah dikejutkan dengan berita *Brexit*. *Brexit* adalah jolokan yang diberi kepada “United Kingdom (UK) keluar dari Kesatuan Eropah (EU)”, hasil dari pungutan suara umum.

EU merupakan satu kesatuan ekonomi. Kesatuan ekonomi merupakan konsep kesepakatan wilayah yang lebih komprehensif berbanding dengan komuniti ekonomi. EU berkembang dari suatu komuniti ekonomi yang dikenali sebagai Komuniti Ekonomi

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Eropah (EEC). EU mempunyai Parlimen dan mata wang sendiri, yakni euro. Di dalam kesatuan ekonomi ini, barangan dan perkhidmatan serta tenaga buruh adalah bebas bergerak melampaui sempadan negara di antara 28 ahlinya. Ini bermakna, dari perspektif ekonomi, EU adalah berfungsi sebagai seolah-olah sebuah negara.

EEC ditubuhkan pada tahun 1957 dan UK menganggotainya pada tahun 1973. Faktor utama penubuhan kesepakatan ini adalah untuk memaksimumkan manfaat ekonomi negara-negara ahli melalui pengagihan sumber yang cekap. Dari sudut sebuah kesatuan ekonomi, kejayaan EU merupakan sebuah contoh buku teks yang diajar di sekolah-sekolah ekonomi. Kini EU sebagai sebuah kesatuan, merupakan blok ekonomi yang mempunyai penduduk melebihi 500 juta. Ianya merupakan salah sebuah kuasa ekonomi terbesar di dunia.

Berdasarkan sejarah EU, tidak hairanlah jika ianya merupakan rujukan utama untuk lain-lain negara di dalam konteks kerjasama ekonomi wilayah. Penubuhan AEC adalah mengikut jejak langkah EU. Bertabirakan kejayaan EU, sedikit sebanyak *Brexit* mengetengahkan semula persoalan tentang baik-buruknya sebuah kesatuan ekonomi. Jika ianya baik, mengapa UK memilih untuk keluar dari kesatuan?

Persoalan buruk-baik sebuah komuniti ekonomi sentiasa wujud, di mana konsep kesatuan ini diterima atas dasar kebaikannya melebihi keburukan. Di dalam konteks UK, mungkin ramai ahli-ahli ekonomi masih beranggapan UK adalah lebih baik berada dalam EU dari segi manfaat ekonomi jangka panjang. Namun demikian, pungutan suara umum memberi kemenangan kepada *Brexit* kerana pejuang-pejuang *Brexit* telah berjaya mengetengahkan isu-isu benar berkaitan dengan UK di dalam EU dengan merujuk kepada realiti semasa. Contohnya, pergerakan bebas buruh dari lain-lain negara ahli EU menyebabkan gaji pekerja warga UK menjadi rendah. Keburukan realiti semasa ini tidak semestinya buruk untuk keseluruhan ekonomi UK terutama untuk jangka panjang. Sebaliknya kebaikan ekonomi jangka panjang pula tidak boleh ditunjuk dengan jelas.

Dari segi jangka panjang, kesan *Brexit* masih tidak jelas. Apa yang kita lihat sekarang adalah kesan jangka pendek yang sebenarnya tidak melambangkan asas ekonomi. Ramai yang memberi penumpuan terhadap kesan ke atas pemboleh ubah kewangan,

seperti kesan terhadap pasaran saham dan nilai mata wang, yang tidak semestinya memberi kesan terhadap asas ekonomi jangka panjang.

Satu lagi persoalan yang lebih relevan kepada Malaysia adalah kesan *Brexit* terhadap ekonomi Malaysia sendiri. Untuk menilai kesan *Brexit* ke atas ekonomi Malaysia, sekiranya ada, kita terlebih dahulu perlu mengenal pasti saluran-saluran yang berkemungkinan mempengaruhi pemboleh ubah ekonomi. Umpamanya, jika di kaji dari sudut permintaan, adakah *Brexit* mempengaruhi mana-mana komponen permintaan agregat negara, seperti pelaburan, penggunaan, perbelanjaan kerajaan dan eksport bersih? Sekiranya ada, apakah saluran-salurannya?

Secara amnya tiada suatu saluran yang jelas sama ada UK berada di dalam EU atau berada diluar EU akan mempengaruhi salah satu atau lebih komponen permintaan agregat Malaysia. Cuma secara tidak langsung komponen-komponen tersebut boleh dipengaruhi melalui saluran tukaran asing di antara ringgit Malaysia dengan pound British. Namun demikian, kesan terhadap nilai ringgit berbanding pound adalah bersifat sementara yang dipengaruhi oleh sentimen umum berkaitan dengan *Brexit*. Kesan ini tidak mempengaruhi asas-asas ekonomi Malaysia. Malah kesan ini juga dijangka tidak mempengaruhi asas-asas ekonomi UK.

Faktor yang memberi kesan sementara kepada penawaran dan permintaan di dalam ekonomi seperti *Brexit* ini biasanya di sebut sebagai kejutan. Kejutan ini dikaitkan dengan faktor diluar kawalan dan diluar jangkaan yang boleh memberi kesan sementara kepada sesuatu ekonomi, secara positif mahu pun negatif – atau apa yang dipanggil kitaran perniagaan. Ianya tidak boleh kekal kerana potensi pengeluaran ekonomi tidak berubah dengan ketara. Malah kejutan *Brexit* ini boleh dianggap kecil kerana ianya telah dijangka lebih awal dan kebanyakan kumpulan-kumpulan yang terlibat telah mengambil langkah berjaga-jaga lebih awal.

Nilai tukaran di antara ringgit dan pound juga dipengaruhi oleh permintaan dan penawaran terhadap kedua-dua mata wang. Permintaan dan penawaran kedua-dua mata wang tersebut pula dipengaruhi terutamanya oleh aktiviti perdagangan dua hala antara kedua-dua negara. Namun, perdagangan di antara UK dan Malaysia dijangka tidak dipengaruhi oleh *Brexit* melalui lain-lain faktor berkaitan dengan perdagangan

seperti tarif dan sebagainya. Ianya mungkin terpengaruh oleh perubahan nilai tukaran ringgit-pound, tetapi seperti yang dijelaskan di atas ianya bersifat sementara.

Perlu juga diingat bahawa Brexit juga mempunyai kesan positif yang mungkin mengambil masa lebih lama sedikit untuk direalisasikan. Kesan positif ini mungkin akan memberi kebaikan kepada hubungan ekonomi Malaysia-UK. Diantara kesan positif tersebut adalah terhasil dari tindak balas UK untuk memperbaiki kelemahannya merujuk kepada kelemahan EU seperti diperjuangkan oleh para penyokong *Brexit*. Antaranya, pro-*Brexit* berpendapat EU tidak efisien dan terdedah kepada birokrasi. Maka sudah tentu kerajaan UK akan menggunakan mandat baru dari rakyat untuk memperbaiki keadaan ini, yakni meminimumkan birokrasi dan meningkatkan kecekapan.

Akhir sekali, UK selepas *Brexit* dijangka akan berusaha untuk memperbaiki perjanjian perdagangan dua-hala dengan rakan dagangnya, termasuk Malaysia. Malah para pemerhati berpendapat perjanjian perdagangan dua-hala di dalam konteks ini mungkin lebih berkesan, berbanding dengan perjanjian dua-hala antara EU dan lain-lain negara seperti Malaysia.